

Pelbagai jenis kecacatan penglihatan

1. Seseorang yang tidak dapat melihat objek dengan jelas dikatakan menghidap **kecacatan penglihatan.**
2. 3 jenis kecacatan penglihatan ialah:
 - a. Rabun jauh
 - b. Rabun dekat
 - c. Astigmatism

. **astigmatism** adalah disebabkan oleh permukaan lengkungan kornea atau kanta mata yang tidak sekata.

. kanta kaca mata **berbentuk silinder** dicadangkan untuk membetulkan masalah astigmatism.

. kira-kira 70% pemakai kaca mata mengalami astigmatism.

Had deria penglihatan

1. Deria penglihatan kita mempunyai had.
2. Kita tidak boleh lihat objek yang terlalu seni contohnya bacteria, virus dan atom dengan mata kasar.
3. Kita juga tidak dapat melihat bintang atau planet yang terletak sangat jauh dari Bumi.
 - a. Bintik buta - berlaku kerana imej objek yang dilihat jatuh di bintik buta mata. Kawasan titik buta tidak mengandungi deria yang peka terhadap ransangan cahaya menyebabkan objek yang dilihat tidak boleh dikesan oleh mata.
 - b. Ilusi optik - disebabkan gangguan daripada objek lain atau keadaan sekelilin objek yang diperhatikan. Otak tidak dapat mentafsir maklumat yang dihantar dari reseptor di mata dengan tepat.

Penglihatan stereoskopik dan penglihatan monokular.

Penglihatan stereoskopik	Penglihatan monokular
Penglihatan yang melibatkan kedua-dua belah mata	Penglihatan yang melibatkan sebelah mata sahaja.
Boleh menganggar jarak dengan tepat	Tidak boleh menganggar jarak dengan tepat.
Contoh : harimau, monyet, beruang, helang, burung hantu.	Contoh : ayam, arnab, ikan, tikus, rusa.

